

NOTIS TENDER

TENDER NO. T180326 - KONTRAK UNTUK MEMBEKAL DAN MENGURUSKAN PRIME MOVERS BESERTA PEMANDU DI DERMAGA BUTTERWORTH, PENANG PORT SDN. BHD.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas. Tender adalah dipelawa kepada:

- 1. Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
- 2. Berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.**

Seandainya tuan berminat, Borang Tender (**CD-ROM**) yang berharga **RM53.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Jabatan Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. Lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada :

Tarikh : 3 Mei 2018 (Khamis)

Waktu : 3.00 petang.

**Tempat : Bilik Mesyuarat Kargo, Pejabat Pentadbiran, Kargo Butterworth Wharves,
12100, Butterworth.**

Lawatan tapak adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambil kira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

**“TENDER NO. T180326 - KONTRAK UNTUK MEMBEKAL DAN MENGURUSKAN PRIME MOVERS
BESERTA PEMANDU DI DERMAGA BUTTERWORTH, PENANG PORT SDN. BHD.”**

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender “B”** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **21 Mei 2018 (Isnin)** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.